

Insentif tarik pelaburan berteraskan teknologi

Pelaksanaan pembangunan digital secara menyeluruh pacu sektor pelancongan: PM

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my


Kuala Lumpur: Kerajaan sedang merangka insentif khusus bagi menarik pelaburan infrastruktur dan berteraskan teknologi untuk memacu sektor pelancongan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan turutewartakan Zon Khas Pelaburan Pelancongan di seluruh negara, selari pelaksanaan Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020-2030.

“Kita sedar bahawa pembangunan teknologi dalam pelancongan berupaya dicapai sekiranya ia dilaksanakan melangkaui sempadan, selain membuka peluang seluas-luasnya untuk pertumbuhan global.

“Oleh itu, Malaysia ketika ini giat mengorak langkah ke arah pembangunan pelancongan berteraskan teknologi digital kerana ia bakal meraih pelbagai impak positif terhadap industri pelancongan.

“Kerajaan percaya sekiranya pembangunan digital dilaksanakan secara menyeluruh, kita berupaya menyediakan keperluan berkaitan



Dr Mahathir bergambar bersama sebahagian penceramah pada Persidangan Pelancongan Sedunia 2019 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali /BH)

supaya sektor pelancongan Malaysia kekal berhubung dengan pasaran di pentas antarabangsa,” katanya ketika merasmikan Persidangan Pelancongan Dunia (WTC) 2019 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin Ketapi; Timbalannya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik; dan Pengarah Eksekutif Pertubuhan Pelancongan Dunia, Zhu Shanzhong.

Perdana Menteri berkata, kerajaan perlu mewujudkan iklim

pelaburan baharu bagi merintis pembangunan industri pelancongan berteraskan teknologi.

“Tetapi, pelaburan infrastruktur secara fizikal dan perisian bagi tujuan memacu pembangunan industri pelancongan berteraskan teknologi perlu diseimbangkan.

“Usaha merangka dasar negara pula harus menyediakan insentif berkaitan dalam bentuk produk yang lebih tidak ketara seperti perolehan maklumat, penghasilan kandungan dan kewujudan platform dalam talian.

“Bagaimanapun, di sebalik usaha memacu ledakan kemajuan dalam sektor pelancongan, persoalan mengenai aspek kelestarian dan keterangkuman tidak wajar diketepikan,” katanya.

Menyentuh sumbangan industri pelancongan, Dr Mahathir berkata ia harus dijadikan pemangkin ke arah pelbagai usaha melindungi alam sekitar, selain menyokong aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan warisan serta budaya tempatan.

Selain itu, katanya, semua pi-

hak wajar memastikan kekayaan yang dijana daripada industri pelancongan berupaya dikongsi secara saksama, termasuk komuniti di pedalaman.

“Mereka (komuniti pedalaman) menyediakan peluang untuk pelancong selami pelbagai pengalaman, termasuk berkaitan adat, budaya dan agama berbilang kaum di Malaysia.

“Oleh itu, manfaat sedemikian berupaya diraih menerusi pembangunan ekopelancongan yang lestari,” katanya.